

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

ATP201- PERAKAUNAN KEWANGAN II

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan pilih DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Baki akaun dan maklumat tambahan bagi Minah Berhad seperti pada 31 Disember 1993 adalah seperti berikut:

Akaun belum bayar	RM 75,900
Akaun belum terima	141,600
Susutnilai terkumpul-peralatan	84,000
Bon belum bayar	300,000
Tunai	243,900
Saham biasa	1,560,000
Liabiliti cukai pendapatan tertanggung (tak semasa)	6,900
Dividen belum bayar	45,000
Peralatan	840,000
Cukai pendapatan belum bayar	91,500
Inventori	395,100
Pelaburan (harga pasaran RM550,000)	510,000
Pelaburan di dalam saham anak syarikat	492,000
Nota belum bayar	120,000
Nota belum terima	150,000
Insuran bayar dulu	7,200
Rizab penilaian semula	200,000
Perolehan tertahan	253,600
Gaji belum bayar	42,900

...2/-

- 2 -

- (a) RM300,000 dari 12% bon telah dijual pada 1 November 1993, pada nilai tara.
- (b) Pada 1/10/1993, 40,000 saham biasa dengan nilai tara RM30 sesaham telah dikeluarkan kepada pemegang saham Minah Berhad. Jumlah tunai yang diterima akibat dari keluaran saham ini ialah sebanyak RM1,560,000.
- (c) Semua peralatan telah dibeli pada 2 Januari 1992. Kadar susutnilai ialah 10% setahun.
- (d) 5% dari akaun belum terima dijangka tidak dapat dikutip.
- (e) RM7,200 telah dibayar bagi suatu polisi insuran selama 2 tahun telah dibeli pada 1/5/1993.
- (f) Bunga terakru ke atas RM150,000 nota belum terima jangka pendek dari pelanggan ialah sebanyak RM5,100 pada 31/12/1993.
- (g) RM120,000 telah dipinjam dari bank terhadap 10% nota belum bayar (5 tahun) bertarih 31/12/1993. Pinjaman ini harus dijelaskan secara 10 bayaran dua kali setahun sebanyak RM12,000 (termasuk bunga). Bayaran pertama akan bermula pada 30/6/1994.
- (h) Akibat kesilapan di dalam kiraan fizikal, inventori telah terlebih dicatat sebanyak RM30,000 pada 31 Disember 1993.
- (i) Minah Berhad telah dinamakan sebagai defendan di dalam sebuah kes mahkamah pada Oktober 1993. Peguam Minah Bhd. berpendapat bahawa kemungkinan kekalahan terhadap kes mahkamah tersebut adalah tipis. Minah ingin bertindak secara konservatif dan memperuntukkan kerugian kontingensi sebanyak RM100,000 pada Disember 1993.

Dikehendaki:

Sediakan Kunci Kira-Kira terkelas bagi Minah Berhad pada 31/12/1993.

[15 markah]

...3/-

- 3 -

Soalan 2

ABC Sdn. Bhd. telah melaporkan amaun berikut (sebelum cukai) bagi tahun berakhir 31 Disember, 1994:

Pendapatan kendalian	RM 588,000
Laba di atas jualan peralatan	9,000
Belanja bunga	6,000
Kerugian dari segmen perniagaan yang dihentikan	157,500
Kerugian dari jualan segmen perniagaan	225,000
Laba luarbiasa	120,000
Pelarasan bagi inventori yang lebih dicatat pada tahun 1993	31,500

Kadar cukai ialah 30%. Sediakan penyata pendapatan (separa) bagi tahun 1994 yang bermula dengan "Pendapatan dari operasi berterusan sebelum cukai pendapatan". Modal saham biasa yang dikeluarkan ialah sebanyak RM30,000 dan nilai tara ialah 50 sen sesaham.

[15 markah]

Soalan 3

Asas penilaian inventori bagi Loh Bhd. ialah terendah antara kos dan nilai realis bersih. Kos ditentukan mengikut kaedah masuk dulu keluar dulu. Loh Bhd. menjual barangan pada harga ditetapkan pada 50% lebih tinggi daripada harga belian dan belanja jualan ialah RM2.00 seunit.

Kiraan stok secara fizikal pada 31 Disember 1994 menunjukkan bahawa 500 unit inventori dalam tangan dan 100 unit barangan yang telah dibeli pada 1 September 1994 telah mengalami kerosakan disebabkan banjir. (Barangan tersebut telah dijual pada Januari 1995 dengan harga RM10.00 seunit).

Inventori awal pada 1 Januari 1994 terdiri dari 400 unit yang dibeli dengan harga RM1.00 seunit. Belian sepanjang 1994 adalah seperti berikut:

Pada: 1 Mac 1994	500 unit pada RM11.00 seunit
1 Jun 1994	400 unit pada RM11.50 seunit
1 September 1994	400 unit pada RM12.00 seunit
1 Disember 1994	300 unit pada RM12.50 seunit

Selain dari harga belian di atas, Loh Bhd. telah membayar kos pengangkutan masuk sebanyak RM1.00 seunit dan kos penyimpanan sebanyak RM0.50 seunit sebulan.

...4/-

- 4 -

Dikehendaki:

- (a) Tentukan nilai inventori pada 31 Disember 1994 bagi Loh Bhd. mengikut keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 2 mengenai penilaian dan penyampaian inventori di dalam konteks sistem kos sejarah.
- (b) Tunjukkan bagaimanakah maklumat di atas berhubung dengan inventori akan didedahkan di dalam penyata kewangan Loh Bhd. bagi tahun 1994.

[15 markah]

Soalan 4

Maklumat berikut berhubung dengan aset tetap telah dipetik dari buku Bibi Bhd. sebelum persediaan penyata kewangan bagi tahun 1988.

- (a) Baki awal:

Amaun angkut kasar pada 1/1/1988	RM '000
Tanah (hakmilik bebas) dan	9,000
' bangunan (rujuk nota dibawah)	
Peralatan - kos	500
Kenderaan - kos	300
Susutnilai terkumpul pada 1/1/1988	
Bangunan	300
Peralatan	200
Kenderaan	120

Nota: Tanah dan bangunan terdiri dari:

- i) Tanah A dengan bangunan di atasnya. Kedua-duanya dibeli pada 1981 pada jumlah kos RM4 juta. Kedua-duanya dinilai semula pada tahun 1985 pada RM5 juta di mana RM1.5 juta ialah bagi tanah dan RM3.5 juta bagi bangunan (bangunan dijangka mempunyai usiaguna baki selama 35 tahun pada masa penilaian semula ini).
- ii) Tanah B telah dibeli pada 1983 dengan kos RM800,000 dan dinilai semula pada tahun 1986 pada RM1 juta. Tanah B telah dicagarkan kepada bank sebagai sekuriti bagi pinjaman bank berjumlah RM500,000 dan
- iii) Tanah C telah dibeli pada 1984 dengan kos sebanyak RM2.5 juta dan dinilai semula pada tahun 1987 pada RM3 juta.

...5/-

- 5 -

(b) Susutnilai:

Semua aset tetap, kecuali hakmilik bebas tanah, harus disusutnilai dengan menggunakan kaedah garis lurus dengan tanpa nilai sisaan. Bagi aset yang dimiliki atau dijual, susutnilai bagi setahun dikirakan bagi belian dan susutnilai tidak diperuntukan pada tahun yang mana jualan berlaku. Bagi aset yang dinilai semula, susutnilai bagi sepenuh tahun diperuntukan berdasarkan amaun dinilai semula. Anggaran usia guna bagi setiap kategori aset tetap adalah seperti berikut:

Bangunan	-	40 tahun
Peralatan	-	10 tahun
Kenderaan	-	10 tahun

(c) Penilaian semula:

Tanah A dan bangunan dinilai semula pada 2/1/1988. Laporan dari firma penilai menunjukkan bahawa berdasarkan kepada nilai pasaran bagi kegunaan semasa, tanah dinilai semula pada RM3 juta dan bangunan pada RM4 juta. Penilaian semula telah direkod dalam buku dengan menghapuskan akaun susutnilai terkumpul dan lebihan penilaian semula dipindah secara terus kepada akaun rizab penilaian semula. Bangunan dijangka mempunyai baki usiaguna selama 32 tahun selepas penilaian semula ini.

(d) Penambahan:

Satu lagi tanah (tanah D) telah dibeli sepanjang tahun 1988 dengan harga RM1.5 juta tunai.

Peralatan baru dibeli pada awal tahun 1988 dengan harga RM200,000 tunai. Satu lori baru bernilai RM80,000 telah dibeli melalui perjanjian sewa beli. Dua bulan kemudian, sistem hawa dingin berharga RM10,000 telah dipasang di dalam lori tersebut.

(e) Jualan:

Sepanjang tahun 1988, tanah C telah dijual dengan harga RM4 juta. Peralatan yang telah dibeli pada 1985 dengan kos RM100,000 telah dijual secara RM60,000 tunai pada tahun 1988.

Dikehendaki:

- i) Sediakan catatan jurnal untuk merekod urusaniaga di atas bagi tahun 1988.
- ii) Tunjukkan bagaimana maklumat berhubung dengan aset tetap harus didedahkan di dalam penyata kewangan Bibi Bhd. bagi tahun 1988. [15 markah]

...6/-

BAHAGIAN B (Pilih DUA soalan sahaja)

Soalan 5 - Pilih 5 sahaja. Tulis nota ringkas tentang:

- (a) i) Kebolehbandingan.
ii) Kekecualian.
iii) Kesahan.
iv) Konsistensi.
v) Konservatisme.
vi) Kematanaan. [10 markah]
- (b) Bincangkan kepentingan dan kedudukan Piawai Perakaunan Antarabangsa (PPA) di Malaysia. Huraikan butiran penting di dalam PPA No. 1 mengenai Pendedahan Polisi Perakaunan. [10 markah]

Soalan 6

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan rangka kerja konsep? Kenapakah rangka kerja konsep perlu bagi perakaunan? [10 markah]
- (b) Bezakan antara perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal. [10 markah]

Soalan 7

- (a) Pada 1/1/1994, Ali Sdn. Bhd. telah memasuki suatu perjanjian pajakan untuk memajak suatu peralatan dari Pajakan Conso Bhd. Syarat-syarat perjanjian termasuk:
- (1) tempoh pajakan yang tidak boleh dibatal selama 4 tahun di mana tidak ada opsyen belian atau pembaharuan dan
- (2) sewa pajakan sebanyak RM10,000 setahun dan kos pewasi sebanyak RM1,000 setahun harus dibayar oleh Ali Sdn. Bhd. pada 31 Disember setiap 4 tahun, bermula pada 31/12/1994.

Sewaan pajakan dikira dan diputuskan berdasarkan kadar pulangan 10% kepada Pajakan Conso Bhd. Peralatan itu ialah baru pada 1/1/1994 dan mempunyai nilai pasaran saksama sebanyak RM36,000 dan dijangka mempunyai usiaguna selama 5 tahun. Pada akhir tempoh pajakan, peralatan harus dipulangkan kepada Pajakan Conso Bhd. Ali Sdn. Bhd. menggunakan kaedah garis lurus untuk mengira susutnilai bagi aset tetap.

...7/-

- 7 -

Dikehendaki bagi Ali Sdn. Bhd. (sebagai penyewa)

- i) nilai kini bayaran minima pajakan.
- ii) caj susutnilai.
- iii) jadual pelunasan bagi tempoh pajakan.
- iv) catatan jurnal bagi tahun 1994 sahaja.

[10 markah]

(b) Tulis nota ringkas tentang:

- i) terbitan bonus.
- ii) terbitan hak.
- iii) waran saham.
- iv) rizab penilaian semula.

[10 markah]

...8/-

Jadual 1
Nilai kini annuiti bagi RML.00 setiap tempoh

	1%	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%	9%	10%	11%	12%	14%	16%	20%
1	0.9901	0.9804	0.9709	0.9615	0.9524	0.9434	0.9346	0.9259	0.9174	0.9091	0.9009	0.8929	0.8772	0.8621	0.8333
2	1.9704	1.9416	1.9135	1.8861	1.8594	1.8334	1.8080	1.7833	1.7591	1.7355	1.7125	1.6901	1.6467	1.6052	1.5278
3	2.9410	2.8839	2.8286	2.7751	2.7232	2.6730	2.6243	2.5771	2.5313	2.4869	2.4437	2.4081	2.3216	2.2459	2.1065
4	3.9020	3.8077	3.7171	3.6299	3.5460	3.4651	3.3872	3.3121	3.2397	3.1699	3.1024	3.0373	2.9137	2.7982	2.5887
5	4.8534	4.7135	4.5797	4.4518	4.3295	4.2124	4.1002	3.9927	3.8897	3.7908	3.6959	3.6048	3.4331	3.2743	2.9906
6	5.7955	5.6014	5.4172	5.2421	5.0757	4.9173	4.7665	4.6229	4.4859	4.3553	4.2305	4.1114	3.8887	3.6847	3.3255
7	6.7282	6.4720	6.2303	6.0021	5.7864	5.5824	5.3893	5.2064	5.0330	4.8684	4.7122	4.5638	4.2883	4.0386	3.6046
8	7.6517	7.3255	7.0197	6.7327	6.4632	6.2098	5.9713	5.7466	5.5348	5.3349	5.1461	4.9676	4.6389	4.3436	3.8372
9	8.5660	8.1622	7.7861	7.4353	7.1078	6.8017	6.5152	6.2469	5.9952	5.7590	5.5370	5.3282	4.9464	4.6065	4.0310
10	9.4713	8.9826	8.5302	8.1109	7.7217	7.3601	7.0236	6.7101	6.4177	6.1446	5.8892	5.6502	5.2161	4.8332	4.1925
11	10.3676	9.7868	9.2526	8.7605	8.3064	7.8869	7.4987	7.1390	6.8052	6.4951	6.2065	5.9377	5.4527	5.0286	4.3271
12	11.2551	10.5753	9.9540	9.3851	8.8633	8.3838	7.9427	7.5361	7.1607	6.8137	6.4924	6.1944	5.6603	5.1971	4.4392
13	12.1337	11.3484	10.6350	9.9856	9.3936	8.8527	8.3577	7.9038	7.4869	7.1034	6.7499	6.4235	5.8424	5.3423	4.5327
14	13.0037	12.1062	11.2961	10.5631	9.8986	9.2950	8.7455	8.2442	7.7862	7.3667	6.9819	6.6282	6.0021	5.4675	4.6106
15	13.8651	12.8493	11.9379	11.1184	10.3797	9.7122	9.1079	8.5595	8.0607	7.6061	7.1909	6.8109	6.1422	5.5755	4.6755
16	14.7179	13.5777	12.5611	11.6523	10.8378	10.1059	9.4466	8.8514	8.3126	7.8237	7.3792	6.9740	6.2651	5.6685	4.7296
17	15.5623	14.2919	13.1661	12.1657	11.2741	10.4773	9.7632	9.1216	8.5436	8.0216	7.5488	7.1196	6.3729	5.7487	4.7746
18	16.3983	14.9920	13.7535	12.6593	11.6896	10.8276	10.0591	9.3719	8.7556	8.2014	7.7016	7.2497	6.4674	5.8178	4.8122
19	17.2260	15.6785	14.3238	13.1339	12.0853	11.1581	10.3356	9.6036	8.9501	8.3649	7.8393	7.3658	6.5504	5.8775	4.8435
20	18.0456	16.3514	14.8775	13.5903	12.4622	11.4699	10.5940	9.8181	9.1285	8.5136	7.9633	7.4694	6.6231	5.9288	4.8696
21	18.8570	17.0112	15.4150	14.0292	12.8212	11.7641	10.8355	10.0168	9.2922	8.6487	8.0751	7.5620	6.6870	5.9731	4.8913
22	19.6604	17.6580	15.9369	14.4511	13.1630	12.0416	11.0612	10.2007	9.4424	8.7715	8.1757	7.6446	6.7429	6.0113	4.9094
23	20.4558	18.2922	16.4436	14.8568	13.4886	12.3034	11.2722	10.3711	9.5802	8.8832	8.2664	7.7184	6.7921	6.0442	4.9245
24	21.2434	18.9139	16.9355	15.2470	13.7986	12.5504	11.4693	10.5288	9.7066	8.9847	8.3481	7.7843	6.8351	6.0726	4.9371
25	22.0232	19.5235	17.4131	15.6221	14.0939	12.7834	11.6536	10.6748	9.8226	9.0770	8.4217	7.8431	6.8729	6.0971	4.9476
26	22.7952	20.1210	17.8768	15.9828	14.3752	13.0032	11.8258	10.8100	9.9290	9.1609	8.4881	7.8957	6.9061	6.1182	4.9563
27	23.5596	20.7069	18.3270	16.3296	14.6430	13.2105	11.9867	10.9352	10.0266	9.2372	8.5478	7.9426	6.9352	6.1364	4.9636
28	24.3164	21.2813	18.7641	16.6631	14.8981	13.4062	12.1371	11.0511	10.1161	9.3066	8.6016	7.9844	6.9607	6.1520	4.9697
29	25.0658	21.8444	19.1885	16.9837	15.1411	13.5907	12.2777	11.1584	10.1983	9.3696	8.6501	8.0218	6.9830	6.1656	4.9747
30	25.8077	22.3965	19.6004	17.2920	15.3725	13.7648	12.4090	11.2578	10.2737	9.4269	8.6938	8.0552	7.0027	6.1772	4.9789
35	29.4086	24.9986	21.4872	18.6646	16.3742	14.4982	12.9477	11.6546	10.5668	9.6442	8.8552	8.1755	7.0700	6.2153	4.9915
40	32.8347	27.3555	23.1148	19.7928	17.1591	15.0463	13.3317	11.9246	10.7574	9.7791	8.9511	8.2438	7.1050	6.2335	4.9966
45	36.0945	29.4902	24.5187	20.7200	17.7741	15.4558	13.6055	12.1084	10.8812	9.8628	9.0079	8.2825	7.1232	6.2421	4.9986
50	39.1961	31.4236	25.7298	21.4822	18.2559	15.7619	13.8007	12.2335	10.9617	9.9148	9.0417	8.3045	7.1327	6.2463	4.9995

- 0000000 -